

RISALAH PEMBERITAHUAN PRODUK

Sila baca Risalah Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan mengambil produk berikut dan sila dapatkan penjelasan daripada Ejen kami sekiranya anda tidak memahami apa-apa syarat di sini.
Pastikan anda membaca terma dan syarat-syarat am polisi.

Insurans Kebakaran

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi The Pacific Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1. Apakah produk ini?

Polisi ini memberi perlindungan kepada harta anda daripada kerugian atau kerosakan akibat kebakaran dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

2. Apakah perlindungan/ manfaat yang disediakan?

Polisi ini melindungi:

- Kerugian atau kerosakan harta anda akibat kebakaran, kilat dan letupan yang berpunca daripada gas yang digunakan untuk tujuan domestik.

Anda boleh melanjutkan perlindungan ke atas risiko berikut dengan membayar premium tambahan:

- Kerosakan Perlanggaran Pesawat Udara
- Pecahan atau Limpahan Radas Tangki Air atau Paip
- Kebakaran Belukar/ Lalang
- Kerosakan dari Pokok Tumbang atau dahan atau Objek darinya
- Gempa Bumi dan Letusan Gunung Berapi
- Letupan
- Banjir
- Kerosakan hentaman
- Kerosakan akibat rusuhan, mogok serta niat jahat
- Pembakaran Spontan
- Kebocoran Pemercik
- Ribut dan Angin Kencang
- Penenggelaman dan Gelinciran Tanah

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki membaharui Polisi Insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang perlu bayar adalah berbeza tertakluk kepada jenis perniagaan dan klasifikasi, pengstruktur binaan, jumlah yang diinsuranskan, pilihan bencana-bencana untuk insurans dan sebarang keperluan pengunderaitan oleh pihak syarikat insurans.

Nota: Polisi ini tertakluk kepada premium minima sebanyak RM75.00 untuk risiko komersial dan RM60.00 untuk risiko kediaman.

4. Apakah yuran serta tambahan bayaran yang perlu saya bayar?

Selain premium, anda perlu membayar:	Jumlah
a. Komisen yang dibayar kepada agen insurans (Jika ada)	15% of premium
b. Cukai Perkhidmatan	Cukai Perkhidmatan yang berkenaan
c. Duti Setem	RM10.00

Anda berkewajipan membayar apa-apa cukai yang dikenakan (termasuk tetapi tidak terhad kepada Cukai Perkhidmatan dan Cukai Duti) yang dikenakan oleh pihak berkuasa Cukai Malaysia berhubung dengan Polisi anda.

Polisi ini tertakluk kepada premium minima sebanyak RM75.00 untuk risiko komersial dan RM60.00 untuk risiko kediaman.

5. Apakah diantara terma dan syarat-syarat penting yang patut saya ketahui?

Kontrak Insurans Pengguna

- Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini). Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
- Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon insurans ini), anda

dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

- Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Insurans Komersial

- Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak insurans, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda.
- Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.
- Anda juga mempunyai kewajiban untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Insurans anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan insurans ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Anda mesti memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan untuk harta dan kepentingan anda di bawah Seksyen Kebakaran adalah berdasarkan kos penggantian atau pengembalian semula baru, dengan mengambilkira pengubahsuaian/ penambahbaikan yang dibuat terhadap harta anda. Jika amaun yang diinsuranskan kurang daripada nilai penggantian sebenar pada masa kehilangan, syarat purata akan dikenakan sekiranya berlaku tuntutan.

Amaun yang boleh ditolak / berlebihan ialah amaun yang perlu anda tanggung sebelum kami membayar tuntutan.

Sekiranya ada notifikasi tuntutan daripada pihak ketiga, anda tidak boleh mengakui, menawarkan, menjanjikan atau membayar pihak menuntut tanpa persetujuan bertulis daripada kami.

Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam masa 60 hari dari hari perlindungan bermula, jika tidak perlindungan ini adalah dibatalkan secara automatik dan anda masih bertanggungjawab bagi membayar bahagian premium pada tempoh hari-hari yang kami masih menanggung risiko.

6. Adakah panduan yang boleh membantu dalam menentukan anggaran jumlah yang akan diinsuranskan untuk bangunan?

Terdapat kalkulator kos bangunan (BCC) yang boleh membantu anda dalam menentukan anggaran jumlah yang akan diinsuranskan untuk hartanah kediaman, rumah kedai yang sederhana dan pejabat kedai dan bukan pengganti untuk nasihat professional yang akan diperolehi.

Sebelum menggunakan kalkulator, sila ambil perhatian perkara berikut:

1. jika apa-apa pengubahsuaian telah dibuat kepada harta anda, anda dinasihatkan untuk menunjukkan jumlah (kos pengubahsuaian) di dalam kotak yang disediakan di BCC.
2. jika harta anda mempunyai ciri reka bentuk yang unik atau istimewa dan/ atau mempunyai banyak renovasi dan/ atau mempunyai struktur kompleks yang dilekatkan, anda dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat professional untuk penilaian yang lebih tepat terhadap harta anda.

BCC beroperasi di laman web PIAM <http://www.piam.org.my/consumer/industry/building-cost-calculator-bcc/>

7. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian tertentu seperti :

- Kerugian akibat kecurian semasa atau selepas berlakunya kebakaran
- Kerugian atau kerosakan kepada harta yang disebabkan oleh penapaian, kepanasan semula jadi atau pembakaran spontan
- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh atau yang disebabkan menerusi atau akibat :
 - Pembakaran harta dengan perintah pihak berkuasa awam
 - Kebakaran bawah tanah
- Kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh pencemaran atau kontaminasi
- Perang, Perang saudara dan apa-apa tindakan keganasan
- Risiko radioaktif dan tenaga nuclear
- Pengenalpastian tarikh
- Kerosakan harta kepada data atau perisian

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk sampel kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah polisi ini.

8. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada The Pacific Insurance Berhad dengan syarat tiada tuntutan yang timbul semasa tempoh insurans semasa. Walau bagaimanapun, bayaran balik premium tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dalam polisi ini.

9. Apakah yang perlu saya buat jika ada perubahan dalam alamat atau butiran peribadi saya?

Adalah penting anda memaklumkan The Pacific Insurance Berhad mengenai apa-apa perubahan dalam butiran perhubungan atau butiran peribadi anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

10. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai Insurans Kebakaran, anda boleh hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau layari www.pacificinsurance.com.my

Untuk sebarang pertanyaan, hubungi kami di:

The Pacific Insurance Berhad
40-01, Q Sentral, 2A Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
(P.O. Box 12490, 50780 Kuala Lumpur, Malaysia.)
Tel: +603-2633 8999 Faks: +603-2633 8998 Talian bebas tol: 1800 88 1629
E-mel: customerservice@pacificinsurance.com.my Laman Web: www.pacificinsurance.com.my

11. Pengakuan

Saya/Kami mengakui bahawa syarat kontrak utama di atas telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami.

.....
Tandatangan

NOTA PENTING:

1. Anda harus membaca dan memahami Polisi Insurans dan berbincang dengan Ejen Insurans atau hubungi The Pacific Insurance Berhad untuk maklumat lanjut.
2. Maklumat yang diberikan dalam Risalah Pemberitahuan Produk ini adalah sah pada 7 Dec 2020.
3. The Pacific Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.